

# Perkasa TNC HEPA lahirkan mahasiswa pembina negara

● TNC HEPA tidak wajar dilihat sekadar 'penjaga kebajikan', sebaliknya perlu diangkat sebagai arkitek ekosistem pembangunan pelajar yang menyeluruh dan pemacu transformasi budaya kampus

● Dalam era mahasiswa semakin lantang menuntut reformasi dan kerajaan pula komited melaksanakan RPTM 2026-2035 secara berdisiplin, TNC HEPA ialah institusi penentu keseimbangan



Oleh Prof Dr Rusdi Omar  
bhrencana@bh.com.my

**Timbalan** Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) atau TNC HEPA di universiti awam (UA) berkembang menjadi jawatan strategik di tengah-tengah pertembungan antara tuntutan mahasiswa, agenda pemerkasaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan kerangka reformasi nasional seperti Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035.

Jika kita menyelusuri wacana semasa berkaitan tuntutan mahasiswa terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) serta maklum balas kerajaan menekankan reformasi berfasa dan inklusif, jelas perdebatan sebenar bukan semata-mata soal kebebasan, tetapi soal

bagaimana ekosistem kampus ditadbir dengan seimbang, berintegriti dan berdaya saing.

Di sinilah TNC HEPA memainkan peranan amat kritikal kerana merekalah pengurus utama realiti harian mahasiswa, termasuk kebajikan, pembangunan, disiplin, kepimpinan dan kebolehpasaran.

Dalam Amanat Tahun 2026, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menegaskan 2026 ialah 'tahun implementasi' serta mengingatkan dengan kata-kata Peter Drucker bahawa 'rancangan hanyalah niat baik kecuali ia dilaksanakan melalui kerja keras'.

Penegasan ini membawa maksud bahawa rancangan besar negara, termasuk RPTM 2026-2035, hanya akan menjadi dokumen indah jika tidak diterjemahkan kepada kerja pelaksanaan berdisiplin, pantas dan berimpak.

Dalam konteks itu, apabila RPTM 2026-2035 ditekankan sebagai dokumen hidup berteraskan kemanusiaan, maka TNC HEPA adalah antara pelaksana terpenting yang memastikan falsafah dasar itu benar-benar menyentuh kehidupan mahasiswa.

Ini kerana fokus 'Kemenjadian Siswa: Dari Polisi kepada Realiti' dalam Amanat Tahun 2026 berkait secara langsung dengan fungsi HEPA, khususnya apabila kebajikan pelajar diangkat sebagai keutamaan dan inisiatif seperti Academic Bank Credits (ABC) diperkenalkan untuk memberi fleksibiliti serta pemilikan penuh kepada pelajar terhadap aset kredit pembelajaran mereka.

Oleh itu, TNC HEPA tidak wajar dilihat sekadar 'penjaga kebajikan', sebaliknya perlu diangkat sebagai arkitek ekosistem pembangunan pelajar yang menyeluruh dan pemacu kepada transformasi budaya kampus.

Pemerkasaan mahasiswa tidak boleh difahami secara sempit sebagai kebebasan bersuara atau autonomi organisasi semata-mata. Kebebasan tanpa daya tahan hidup akan menjadi slogan kosong kerana mahasiswa tidak mampu menggunakan ruang autonomi dengan matang sekiranya keperluan asas mereka terabai.

Justeru, HEPA perlu memimpin agenda kebajikan dan kesejahteraan dengan lebih tersusun dan berkesan, sekali gus memastikan sistem pengiraan pelajar berada pada tahap selamat, kondusif

dan manusiawi di samping memudahkan akses bantuan kewangan cepat, telus dan bersepadu.

HEPA juga wajar memperkukuh sokongan kesihatan mental dan kesejahteraan emosi mahasiswa melalui sistem sokongan mesra, tidak menghukum dan mudah dicapai serta membina mekanisme pengurusan aduan berintegriti supaya pelajar yakin suara mereka didengar dan masalah mereka diselesaikan secara adil.

## Lahirkan generasi 'Akal Budi Nusa'

Kerangka 'Akal Budi Nusa' digariskan menteri turut menegaskan universiti ialah 'tempat idealisme diuji dengan kehidupan'. Ujian kehidupan itu sering bermula dengan isu sewa, makan, tekanan akademik, konflik organisasi pelajar dan kegelisahan terhadap masa depan kerjaya.

Jika HEPA gagal memainkan peranan sebagai penampan dan pemudah cara, idealisme mahasiswa boleh bertukar menjadi kekecewaan dan akhirnya mencetuskan ketegangan tidak produktif. Justeru, Jabatan Hal Ehwal Pelajar perlu dipertingkatkan dari sudut tadbir urus dan tatakelola.

Selari dengan RPTM 2026-2035 yang menekankan pembinaan 'nation builders', HEPA berperanan mengangkat pembangunan pelajar sebagai proses membina kepimpinan dan kematangan organisasi sebenar. Pemerkasaan organisasi pelajar bukan bermaksud 'dilepaskan tanpa bimbingan', tetapi diberi ruang lebih luas dalam kerangka akauntabiliti, disiplin dan latihan kepimpinan.

Rekod Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam tempoh 2022 hingga 2025 menunjukkan contoh signifikan mengenai bagaimana TNC HEPA berwibawa mampu melahirkan ekosistem mahasiswa

matang dan dihormati.

Ketika Naib Canselor (NC) UUM, Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed menjawat jawatan TNC HEPA (dari awal 2022 hingga akhir 2025), pendekatan mesra pelajar dan penekanan kepada pembangunan kepimpinan memperkukuh nama HEPA UUM sehingga sering disebut pada peringkat nasional.

Dalam tempoh itu, beberapa Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM seperti Muhammad A'linur Ahlam Abu Bakar, Muhammad Izuan Faiz Abdul Rahman dan Syahril Ahmad Sofian dilantik ke jawatan Presiden atau Naib Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK).

Pelantikan berterusan ini bukan kebetulan, sebaliknya mencerminkan ekosistem latihan, pendedahan, bimbingan dan disiplin organisasi dibangunkan menerusi kerjasama HEPA dengan kepimpinan mahasiswa.

Kredibiliti itu turut diterjemahkan pada tahap institusi apabila Ahmad Martadha dilantik sebagai Pengerusi Majlis Kepimpinan & Latihan Universiti Awam Malaysia (MAKLUM) sebelum kemudian dilantik sebagai NC UUM ke-11.

Semua ini memperlihatkan TNC HEPA berkesan bukan sahaja membina mahasiswa, bahkan mampu menaikkan reputasi universiti dan menjadi rujukan nasional dalam pembangunan kepimpinan pelajar.

Kesimpulannya, dalam era mahasiswa semakin lantang menuntut reformasi dan kerajaan pula komited melaksanakan RPTM 2026-2035 secara berdisiplin, TNC HEPA ialah institusi penentu keseimbangan.

Jawatan ini mesti diperkasa melalui pengukuhan tadbir urus berintegriti dan telus, pembinaan budaya kerja mesra pelajar dan beradab, pengukuhan kerja berpasukan tersusun serta pengurusan berasaskan data dan keberhasilan.

HEPA ialah medan utama yang falsafah pendidikan tinggi diterjemahkan menjadi pengalaman hidup mahasiswa. Jika kita serius mahu melahirkan generasi 'Akal Budi Nusa', maka memperkasa jawatan TNC HEPA adalah suatu keperluan strategik negara.

“Pemerkasaan mahasiswa tidak boleh difahami secara sempit sebagai kebebasan bersuara atau autonomi organisasi semata-mata”

